

Sokong siapa sahaja jadi calon BN

1 FEB 2004

ALOR STAR 31 Jan. — Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) digesa sentiasa mementingkan kerjasama dengan menyokong sesiapa sahaja calon tanpa mengira kaum dan parti yang diwakili demi kemenangan cemerlang BN pada pilihan raya umum ke-11.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti-parti komponen BN tidak boleh bertindak mementingkan diri sendiri dengan hanya menyokong calon daripada parti masing-masing kerana sikap seumpama itu akan menjadi punca kepada kekalahan BN.

“Kerjasama penting kerana mana-mana calon BN mungkin boleh kalah sekiranya tidak mendapat sokongan walaupun dengan ha-

nya satu undi sahaja,” katanya pada majlis Pelancaran Jentera Gerak Kerja Pilihan Raya Negeri Kedah di Stadium Sultan Abdul Halim di sini, hari ini.

Beliau yang menyifatkan peringatannya itu sebagai nasihat pertama setelah dilantik menjadi Penasihat Jentera Pilihan Raya BN Kedah, turut berjanji akan membantu parti selagi diperlukan.

“Saya yakin tahun 2004 ini akan ada pilihan raya (tersenyum), bila tak tahulah, mungkin esok Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) mimpi dan akan ada pilihan raya, boleh jadi juga mungkin bulan Disember.

“Biar apapun kita kena bersedia dari sekarang.

“Saya harap semua parti komponen dapat bekerjasama-

ma dengan baik untuk pastikan rakyat terus mengundi calon BN,” katanya.

Ahli-ahli parti, kata Dr. Mahathir, tidak seharusnya mengambil kira calon yang dikemukakan mewakili parti atau kaum mana kerana yang paling penting ialah kesemuanya adalah calon BN.

“Kita jangan ambil kira calon orang Melayu, Cina atau India, sama ada mereka ahli UMNO, MCA, Gerakan, MIC atau sebagainya kerana yang penting BN menang.

“Kalau tidak sokong sesama kita, semua (kerusi) boleh kalah,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun beliau tidak akan bertanding lagi pada pilihan raya umum kali ini, namun mahu BN Kedah memastikan dapat mencatat kemenangan besar.

“Saya tidak bertanding dah, tetapi jangan bagisaya malu kalau kalah mana-mana kerusi, kesianlah... kita mesti rampas Lunas, Sik, Baling, Kuala Kedah juga, kita rampas semuanya,” ujar beliau.

Dr. Mahathir juga berharap semua parti komponen bekerjasama untuk menu-

buhkan jentera pilihan raya BN sebagai persediaan terancang menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Kerjasama erat daripada Pemuda, Wanita dan Puteri setiap parti komponen perlu ada agar rakyat dapat melihat perpaduan yang wujud dan terus menyokong kita,” katanya.

Sekiranya nasihat yang diberikan itu diikuti, Dr. Mahathir yakin BN Kedah bukan sahaja akan menang cemerlang pada pilihan raya umum akan datang malah beliau sendiri akan sentiasa turun ke Kedah untuk terus memberi nasihat.